

Khidmat Jamaluddin mungkin dilanjutkan

TIOMAN, Ahad. — Spekulasi mengenai kedudukan Datuk Dr Jamaluddin Mohd Jarjis sebagai Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), diketahui esok, tetapi sumber menyatakan kontrak perkhidmatan beliau dilanjut untuk dua tahun lagi.

Lembaga pengarah TNB yang bermesyuarat di Kuala Lumpur esok, dijangka mengesahkan kedudukan Ahli Parlimen Rompin itu sebagai Pengerusi TNB.

Ketika ditemui selepas mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali berlepas pulang ke Kuala Lumpur di Berjaya Beach Resort di sini, selepas mengadakan lawatan peribadi selama dua hari, Dr Jamaluddin berkata, pengumuman rasmi akan dibuat esok.

Beliau yang kelihatan riang dan berbual dengan Dr Mahathir yang turun dari kapal peranginan mewah, Lady Halimah menuju ke tempat pendaratan helikopter, kira-kira jam 8.40 pagi ini.

Sumber di sini berkata, Dr Jamaluddin juga dijadualkan menemui Dr Mahathir di Kuala Lumpur, petang ini.

Tempoh perkhidmatan Dr Jamaluddin sebagai Pengerusi TNB akan tamat akhir bulan ini.

Beliau dilantik ke jawatan itu pada 5 September 2000, menggantikan Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali yang tamat tempoh perkhidmatannya 31 Ogos tahun berkenaan.

Semalam, Dr Jamaluddin dipetik sebagai berkata, pengumuman akan dibuat kepada Bursa Saham Kuala Lumpur minggu depan, manakala Lembaga Pengarah TNB bersidang esok.

Beliau enggan mengulas kedudukannya tetapi mengesahkan mengenai mesyuarat lembaga pengarah berkenaan.